

07 FEB 2002

Indon-Bomer/I

MEGAWATI PERLU BINCANG ISU PEKERJA DENGAN DR MAHATHIR

JAKARTA, 7 Feb (Bernama) -- Presiden Megawati Sukarnoputri perlu berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cadangan Malaysia hendak mengurangkan jumlah pekerja Indonesia di negara itu.

Presiden itu juga seharusnya berbincang dengan Dr Mahathir mengenai dasar yang diperkenalkan oleh Malaysia untuk menjadikan Indonesia pilihan terakhir bagi pengambilan tenaga kerja, kata bekas Menteri Tenaga Manusia Bomer Pasaribu.

Bomer, yang juga Pengarah Pusat Kajian Tenaga Manusia dan Pembangunan, berkata Indonesia perlu melakukan usaha tambahan untuk mengelakkan berlakunya ketegangan dalam hubungan dua hala Indonesia dengan Malaysia, yang telah menawarkan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Indonesia.

"Megawati sendiri hendaklah menyelesaikan perkara itu dengan Dr Mahathir kerana masalah itu membabitkan beratus ribu pekerja Indonesia... apa yang hendak dimakan oleh keluarga mereka, apabila mereka pulang ke Indonesia tanpa pekerjaan?," kata Bomer sebagaimana yang dipetik oleh akhbar berbahasa Inggeris "The Jakarta Post".

Beliau berkata tindakan menghantar menteri-menteri ke Malaysia untuk menangani isu yang rumit itu tidak akan membawa sebarang perubahan.

Dr Mahathir sendiri yang membuat dasar-dasar itu, katanya, oleh itu isu berkenaan perlu ditangani pada peringkat nasional, kalau Indonesia tidak mahu menghadapi risiko menjejaskan hubungan dengan Malaysia.

Pekerja Indonesia telah didapati terbabit dalam beberapa insiden di Malaysia dan yang terbaru ialah pada 17 Jan apabila mereka merusuh di sebuah kilang tekstil di Nilai, Negeri Sembilan. Tiga hari kemudian berlaku pergaduhan antara dua kumpulan pekerja Indonesia di Cyberjaya dekat Kuala Lumpur.

Dalam perkembangan terbaru ekoran isu itu, Malaysia dilaporkan telah membuat keputusan untuk hanya membenarkan pekerja Indonesia dalam sektor perladangan dan pembantu rumah sahaja.

Megawati telah menghantar Menteri Keadilan Dan Hak Asasi Manusia, Yusril Ihza Mahendra minggu lepas ke Kuala Lumpur sebagai utusan beliau untuk menemui Dr Mahathir bagi membincangkan perkara itu.

Bomer mengakui bahawa isu pekerja asing yang sensitif itu merupakan tugas yang sangat rumit untuk diselesaikan pada peringkat ini.

"Megawati adalah Presiden... sebagai pemimpin tertinggi negara, beliau harus sekurang-kurangnya cuba berbincang dengan Dr Mahathir," kata Bomer.

Sehingga ini Megawati belum membuat apa-apa kenyataan mengenai isu itu, yang menycewakan sebahagian besar masyarakat Indonesia yang menghadapi masalah pengangguran yang serius akibat krisis ekonomi sekarang.

-- BERNAMA

OPP AAM NMO